

Headline **Sara anak hasil haram**
Date **23 Sep 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **36**
Article Size **316 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **9,087**
PRValue **27,261**



Sara anak hasil haram

Wanita digantung tidak bertali dakwa terjebak aktiviti tidak bermoral kerana sukar cari kerja tetap

>>Oleh **Zuliaty Zulkiffli**

am@hmetro.com.my

ALOR SETAR: “Setiap hari saya terpaksa keluar melacur demi mencari wang bagi membesarkan enam anak yang masih bersekolah dan menguruskan makan minum mereka selain membayar sewa rumah.

“Saya melakukan semua ini kerana digantung tidak bertali kerana suami enggan menceraikan saya sehingga sekarang menyebabkan anak terpaksa diserahkan kepada ibu saudara di Jitra agar membolehkan saya menjalankan kegiatan ini,” kata seorang wanita yang mahu dikenali sebagai Mariah, 40-an.

Sebelum itu, Mariah ditahan anggota penguat kuasa Jabatan Agama Islam Kedah (Jaik) dalam serbuan ketika melayan pelanggan di Jalan

Limbong Kapal, dekat sini, jam 10 malam Isnin lalu.

Dia dibebaskan selepas diambil keterangannya di pejabat agama daerah sejeurus selepas itu.

Mariah mengakui dia terjebak dalam aktiviti pelacuran itu selepas mengikut rakan-rakannya meminta bantuan kerana sukar mencari pekerjaan tetap bagi menyara anak yang masih kecil.

Menurutnya, bermula dengan melacurkan diri di Lorong Petani enam tahun lalu, dia kini mampu melayan ramai pelanggan kerana dia hanya mementingkan wang yang diperoleh.

Katanya, sejak itu dia mulai ketagih seks dan mengenakan bayaran serendah RM20 bagi setiap perkhidmatan. Bagaimanapun, selepas sarang maksiat di kawasan itu diroboh pihak berkuasa, dia terpaksa mengikut rakan berpindah dan mencari port baru mencari rezeki kerana bimbang pelanggan lari.

Headline **Sara anak hasil haram**
Date **23 Sep 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **36**
Article Size **316 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **9,087**
PRValue **27,261**

“Keluarga dan anak tidak tahu saya kerja apa kerana setiap bulan saya mengirim wang kepada mereka untuk kegunaan harian dan saya hanya memberitahu mereka yang saya menyewa rumah di Bukit Pinang.

“Setiap hari saya datang ke sini (Jalan Limbong Kapal) menaiki bas 20 kilometer dari rumah sewa untuk melacur dan setiap hari saya mencari sekurang-kurangnya 10 pe-

langgan mendapatkan wang yang banyak,” katanya.

Mariah berkata, tidak pernah menyesal menjadi pelacur kerana seronok dengan aktiviti yang dilakukan, malah pekerjaan itu agak mudah walaupun berhadapan risiko terkena jangkitan HIV.

Katanya, walaupun usianya sudah meningkat, dia tidak pernah bercadang berhenti daripada melakukan aktiviti

tidak bermoral itu kerana perbuatannya bukan mencuri atau merompak.

“Saya pernah beberapa kali ditahan Jaik tapi apakan daya ini saja yang mampu dilakukan untuk membesarkan anak walaupun saya kesal kerana tidak dapat menjaga mereka sepenuh perhatian sebagai ibu.

“Suatu hari nanti mungkin saya akan berubah kerana banyak pelacur muda yang da-

tang sekarang lebih laris berbanding pelacur berusia seperti saya dan ini menjajikan periuk nasi,” katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguat kuasa Jaik, Syeikh Muhammad Suhaimi Salleh berkata, pihaknya akan membanteras habis-habisan sarang pelacuran di sekitar bandar raya ini daripada berleluasa.

